

ROOF CLIMBER SUPPORT

Puan Sarah Afzan Binti Abd Karim

Muhammad Zulkarnain Bin Rohaizak (08DPB18F1074), Muhammad Faris Bin Abdul Hamid
(08DPB18F1056), Mohamad Amiru Bin Hassan (08DPB18F1066)

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Abstrak

Bumbung merupakan salah satu bahagian penting bagi sesebuah bangunan. Penjagaan bumbung amatlah penting untuk memastikan tiada sebarang masalah yang mungkin mendatangkan bahaya jika bahagian bumbung tersebut tidak dijaga dengan baik. Mengikut "Garis Panduan Pemeriksaan Bangunan Sedia ada", Ketidakecapan terhadap sistem kerja penyelenggaraan bangunan boleh menyebabkan kecacatan dan kerosakan pada bangunan. Kecacatan dan kerosakan bangunan ditakrifkan sebagai kegagalan terhadap keupayaan bangunan untuk menyampaikan perkhidmatan seperti yang diharapkan. Ketidakecapan dalam menangani masalah kerosakan pada bangunan akan mengakibatkan kerugian dalam bentuk wang ringgit dan kecederaan serta kehilangan nyawa. ("*Roof Climber Support*") direkabentuk untuk mengurangkan risiko berlakunya kes kemalangan melibatkan kerja penyelenggaraan bumbung. Ia juga membantu kerja-kerja penyelenggaraan atap rumah kediaman seperti melakukan kerja-kerja pembersihan, penukaran atap, pembaikan bumbung bocor, dan lain-lain. *Roof Climber Support* menggunakan prinsip yang terdapat pada sebuah tangga ("*Roof Climber Support*") ini telah diinovasi supaya menjadi mesra pengguna dengan penyangkut pada genting bumbung dan beberapa pemegang sepanjang batang alat tersebut. Pengumpulan data yang telah didapati adalah dengan kaedah kuantitatif (soal selidik dan pengumpulan data) dan kualitatif (temubual dan pemerhatian). Terdapat sebanyak 96% responden menyokong penghasilan alat ini yang dapat melancarkan pelancaran kerja penyelenggaraan bumbung. Alat ini perlu dikomersialkan kerana sehingga kini kerja-kerja penyelenggaraan atap rumah domestik hanya bergantung pada kemampuan fizikal pekerja dalam melaksanakan tugas tersebut tanpa bergantung dengan mana-mana alat.

KATA KUNCI: ROOF CLIMBER, SUPPORT, PENYELENGGARAAN

Abstract

Roof is a one of the important parts for the building. The care for the roof is crucial to make sure that roof is in a safe condition that will make no harm to the people. According to the "Garis Panduan Pemeriksaan Bangunan Sedia ada", the inefficiency of the maintenance work system of the building can make a defects and damage the building. The inefficiency of a building can be defined as the failure of the building ability to deliver its best function. If this situation can't be handle, it will attract the loss of money and the loss of life. (*Roof Climber Support*) is design to reduce the risk in case of emergency involving the roof maintenance. Moreover, it can be used to cleaning work, roof replacement, and leaky roof repairs. *Roof Climber Support* use the principle of a stairs. (*Roof Climber Support*) has be innovated to be friendly use with the hanger on the roof tiles for locking the device and a line of handles which is can be hold while doing the maintenance work. The data collection obtained using the qualitative and quantitative method. There is 96% of respondent support the making of this device which being said will affect the fluency of the roof maintenance. This device need to be commercialized because until now the domestic roof maintenance only works with workers physical capability on handling their task without using any devices.

Keywords: Roof Climber, Support, Maintenance